



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**Peraturan Bagi Perolehan Dan  
Pembaikan/Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN**

<b>PK 2.17 Peraturan Bagi Perolehan Dan Pembaikan/Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan.....</b>	<b>1</b>
<b>1. Pendahuluan .....</b>	<b>1</b>
<b>2. Peraturan Perolehan.....</b>	<b>1</b>
<b>3. Kaedah Pelaksanaan .....</b>	<b>1</b>
<b>4. Peraturan Perolehan Perkhidmatan Senggaraan Dan Pembaikan.....</b>	<b>2</b>
<b>4.1 Senggaraan Berjadual .....</b>	<b>2</b>
<b>4.2 Senggaraan Di Limbungan Kerajaan.....</b>	<b>3</b>
<b>4.3 Senggaraan Bot Kecil .....</b>	<b>3</b>
<b>4.4 Pembaikan Kerosakan Kecemasan .....</b>	<b>3</b>
<b>4.5 Senggaraan dan Pembaikan Lain .....</b>	<b>3</b>
<b>5. Jadual Kadar Pembaikan Dan Senggaraan .....</b>	<b>4</b>
<b>6. Tarikh Kuat Kuasa .....</b>	<b>4</b>

## **PK 2.17 Peraturan Bagi Perolehan Dan Pembaikan/Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan**

### **1. Pendahuluan**

- 1.1 Perbendaharaan telah menetapkan peraturan bagi perolehan dan pembaikan/senggaraan bot/kapal Kerajaan untuk dipatuhi oleh Agensi Kerajaan.

### **2. Peraturan Perolehan**

- 2.1 Agensi hendaklah terlebih dahulu merancang dan mengatur keperluan alat ganti/bahan bagi kerja pembaikan/senggaraan tersebut. Agensi adalah dilarang dari menumpukan ke satu limbungan/kontraktor sahaja bagi pembaikan/senggaraan bot/kapal di bawah jagaan masing-masing, kecuali agensi yang berurusan di bawah program penswastaaan.
- 2.2 Kerja pembaikan/senggaraan bot/kapal TLDM bagi stesen luar pantai bolehlah menggunakan peraturan di bawah ini atau mana-mana peraturan yang sedia ada.

### **3. Kaedah Pelaksanaan**

- 3.1 Agensi hendaklah menguruskan sendiri perolehan bot/kapal mengikut tatacara perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa. Satu Jawatankuasa hendaklah ditubuhkan bagi penyediaan dan penilaian spesifikasi teknikal.
- 3.2 Perolehan bot/kapal Kerajaan hendaklah dibuat daripada kalangan pembina tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kelas dan kelayakan masing-masing. Butir-butir lanjut mengenai kelas imbungan dan bot/kapal adalah seperti berikut:

#### **Kelayakan Dan Kelas Limbungan Pembaikan Dan Penyelenggaraan**

<b>BIL</b>	<b>KELAS BOT/KAPAL/LIMBUNGAN</b>	<b>KELAYAKAN MENGIKUT KELAS BOT/KAPAL</b>
1	Kelas A	600 tan ke atas
2	Kelas B	400 tan hingga 600 tan
3	Kelas C	200 tan hingga 400 tan
4	Kelas D	50 tan hingga 200 tan
5	Kelas E	Bawah 50 tan

**Kelayakan Dan Kelas Limbungan  
Bagi Pembinaan Dan Pembaikan/Penyelenggaraan**

<b>BIL</b>	<b>KELAS LIMBUNGAN</b>	<b>KELAYAKAN MENGIKUT KELAS BOT/KAPAL</b>
1	Kelas AA	600 tan ke atas
2	Kelas BB	400 tan hingga 600 tan
3	Kelas CC	200 tan hingga 400 tan
4	Kelas DD	50 tan hingga 200 tan
5	Kelas EE	Bawah 50 tan
6	Kelas FF (Pembuat)	Tanpa Limbungan

- 3.3 Perolehan bot/kapal Kerajaan yang memerlukan kemudahan pembinaan khusus, di mana limbungan tempatan tertentu sahaja mempunyai kemudahan tersebut, rundingan terus bolehlah diadakan dengan limbungan berkenaan, dengan syarat kelulusan daripada Kementerian Kewangan diperolehi terlebih dahulu.
- 3.4 Agensi hendaklah memastikan semua kontrak pembinaan bot/kapal Kerajaan yang ditandatangani dengan limbungan/ kontraktor tempatan hendaklah mengandungi syarat di mana semua perkhidmatan sokongan mestilah diperolehi daripada syarikat-syarikat tempatan. Keutamaan hendaklah diberikan kepada syarikat bertaraf Bumiputera.
- 3.5 Bagi perolehan bot/kapal terpakai, agensi dikehendaki mematuhi peraturan dan tatacara perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

#### **4. Peraturan Perolehan Perkhidmatan Senggaraan Dan Pembaikan**

##### **4.1 Senggaraan Berjadual**

- (i) Bagi senggaraan berjadual yang tidak dilaksanakan sendiri, agensi bolehlah menghantar bot/kapal kelimbungan/ kontraktor yang berdekatan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan secara giliran mengikut kelas yang bersesuaian.
- (ii) Bagi agensi yang memerlukan perkhidmatan pembaikan/ penyelenggaraan secara berjadual dan bagi tempoh tertentu, satu perjanjian hendaklah ditandatangani dengan mana-mana limbungan/ kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Kadar bayaran bagi perkhidmatan yang diperlukan hendaklah mengikut Jadual Kadar Pembaikan dan Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan yang

berkuatkuasa tertakluk kepada potongan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

#### 4.2 Senggaraan Di Limbungan Kerajaan

- (i) Agensi yang memiliki kemudahan limbungan sendiri dikehendaki menggunakan kemudahan tersebut secara optimum untuk penyenggaraan bot/kapal masing-masing. Agensi tersebut hendaklah menggunakan perkhidmatan kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah bidang Penyenggaraan dan Pembaikan Bot/Kapal (untuk limbungan Kerajaan) dengan menggunakan harga jadual kadar Kelas E yang berkuat kuasa tetapi dengan potongan tidak kurang dari 25%.

#### 4.3 Senggaraan Bot Kecil

- (i) Agensi bolehlah menghantar bot-bot kecil di bawah 10 tan (berat sesaran) ke mana-mana limbungan/kontraktor yang berdekatan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang yang berkaitan. Harga kerja-kerja senggaraan tersebut hendaklah berasaskan Jadual Kadar Kelas E yang berkuat kuasa tetapi dengan potongan tidak kurang dari 15%.

#### 4.4 Pembaikan Kerosakan Kecemasan

- (i) Bagi bot/kapal yang mengalami kerosakan kecemasan semasa menjalankan tugas, pembaikan bolehlah dibuat oleh mana-mana limbungan/ kontraktor tempatan yang berhampiran secara lantikan terus.
- (ii) Untuk pembaikan peralatan bot/kapal yang tidak memerlukan bot/kapal memasuki limbungan, pembaikan bolehlah dilaksanakan oleh kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

#### 4.5 Senggaraan dan Pembaikan Lain

- (i) Kerja-kerja pembaikan kecil di luar keupayaan anak-anak kapal dan kosnya tidak melebihi RM100,000 setahun bagi sebuah bot/kapal bolehlah ditawarkan secara lantikan terus dengan mana-mana limbungan/kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Kerja pembaikan kecil dan kosnya tidak melebihi RM50,000 setahun bagi sebuah bot/kapal boleh dihantar ke mana-mana limbungan/ kontraktor yang diketahui sentiasa memberikan perkhidmatan yang

terbaik dan dengan harga yang berpatutan, sama ada berdaftar atau tidak.

- (ii) Bagi keperluan alat ganti dan bahan-bahan lain yang berkaitan yang tidak terdapat dalam simpanan/stok agensi, pembelian boleh dibuat daripada limbungan/kontraktor yang sedang membaiki bot/kapal tersebut dengan syarat Sijil Ketiadaan (*Non- Availability* [N.A]) telah dikeluarkan oleh agensi tersebut. Untuk mengelakkan kelewatan penyiapan bot/kapal, Sijil N.A juga boleh dikeluarkan dalam keadaan di mana pembekal Kontrak Pusat dan kontrak agensi tidak dapat membekal alat ganti tersebut dalam masa yang diperlukan.

## 5. Jadual Kadar Pembaikan Dan Senggaraan

- 5.1 Pembaikan dan senggaraan bot/kapal Kerajaan hendaklah dihantar kepada limbungan/kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dimana syarat-syarat dan harga pembaikan/senggaraan hendaklah juga mengikut Jadual Kadar Pembaikan dan Senggaraan Bot/Kapal Kerajaan yang berkuatkuasa tertakluk kepada potongan harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

## 6. Tarikh Kuat Kuasa

- 6.1 Peraturan ini berkuat kuasa mulai **29 November 2022**.